

## Tinjauan: Peranan jantina dan norma perkahwinan yang kian berubah pengaruhi keputusan lahirkan lebih anak

►DARWIS SAID

[darwis@sph.com.sg](mailto:darwis@sph.com.sg)

PERANAN jantina dan norma perkahwinan yang semakin berubah – seperti adanya pembahagian kerja rumah antara suami dengan isteri – boleh mempengaruhi keputusan pasangan melahirkan lebih ramai anak.

Ini lebih menonjol dalam kalangan pasangan berusia 30-an tahun, khususnya golongan wanita, yang dianggap lebih ragu-ragu terhadap keputusan itu kerana berpendidikan dan mempunyai cita-cita kerjaya lebih tinggi.

Justeru, banyak lagi yang perlu dilakukan bagi menggalak pasangan seperti itu melahirkan lebih ramai anak.

Itu antara dapatan tinjauan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai ‘Tanggapan Terhadap Pakej Perkahwinan dan Keibubapaan 2013’, baru-baru ini.

Antara lain, tinjauan tersebut mendapati golongan wanita yang suaminya pernah mengambil skim cuti paterniti dan cuti paterniti berkongsi lebih bersedia melahirkan lebih ramai anak, berbanding dengan mereka yang pasangannya tidak berbuat demikian, kata salah seorang pengkaji tinjauan itu, Encik Christopher Gee.

Mereka juga lebih positif dan responsif terhadap beberapa inisiatif di bawah pakej perkahwinan dan keibubapaan Singapura itu – seperti cuti paterniti atau paterniti berkongsi – dan pengaruhnya ke atas keputusan melahirkan anak, dedah zamil kajian IPS itu pada satu taklimat media semalam.

“Ini menunjukkan bahawa golongan wanita perlu lebih diyakinkan tentang pakej itu dan cita-cita kerjaya mereka difahami de-

ngan lebih mendalam,” jelas Encik Gee, yang menyediakan laporan tersebut bersama zamil kajian utama IPS, Cik Yap Mui Teng, dan penolong pengkajinya, Encik Loh Soon How.

“Banyak hal yang sudah berubah sepanjang 15 tahun lalu. Apa yang kita lihat adalah meningkatnya taraf pendidikan penduduk, khususnya golongan wanita,” tambahnya.

Seramai 2,000 warga dan penduduk tetap Singapura berusia 21 tahun hingga 49 tahun ditinjau antara Julai dengan September tahun lalu.

Sementara itu, lebih setengah, atau 51 peratus, daripada responden lelaki yang belum pernah mengambil cuti paterniti berkata cuti tersebut boleh menggalak keputusan keluarga mereka melahirkan anak. Hanya 43 peratus responden wanita bersepakat demikian.

Sebaliknya, dalam kalangan pasangan yang pihak suami pernah mengambil cuti paterniti sebelum ini, sekitar 65 peratus dan 64 peratus daripada responden lelaki dan wanita percaya insentif cuti itu boleh memberi pengaruh positif terhadap keputusan mereka melahirkan anak.

Cabarannya kini ialah bagaimana pemerintah boleh menyelaraskan antara tekanan sosial secara tradisi terhadap peranan jantina dan pembahagian tugas dalam sesebuah keluarga dengan keperluan sebuah masyarakat yang semakin terpelajar dan mementingkan kerjaya, tegas Encik Gee.